



UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 15 FEBRUARI 2024

PERKARA : 18,792 guru baharu dilantik tahun lalu

MUKA SURAT : 6

18,792 guru baharu dilantik tahun lalu

PETALING JAYA: Sebanyak 18,792 orang guru baharu telah dilantik sepanjang 2023 yang melibatkan 9,155 tenaga pengajar sekolah rendah manakala seramai 9,637 orang ditempatkan di sekolah menengah. Kementerian Pendidikan memaklumkan, pihaknya sentiasa bekerjasama erat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk memastikan

isu kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara dapat diatasi segera. Katanya, sinergi kerjasama strategik kedua-dua pihak cukup signifikan dalam memastikan unjuran guru memenuhi keperluan semasa. “Pengambilan seramai 6315 orang graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred

DG41 secara kontrak seperti yang diumumkan oleh SPP pada minggu lalu adalah cerminan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru di sekolah dipenuhi.

“Lonjakan penambahan bilangan guru ini adalah komitmen besar Kerajaan Madani dalam memperkukuh agenda reformasi pendidikan dan memartabatkan

kualiti pendidikan negara,” katanya dalam kenyataan.

Sebelum ini, Kementerian Pendidikan memaklumkan masalah kekurangan guru yang berlaku di seluruh negara dalam tempoh beberapa tahun akan ditangani secara berperingkat.

Kekurangan itu tidak dapat dielakkan ekoran persaraan guru secara pilihan dan wajib.

Tahun lalu, Kesatuan Per-

khidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) melahirkan kerisauan ibu bapa mengenai masa depan pendidikan anak mereka ekoran masalah kekurangan guru.

Kata NUTP, pengisian jawatan 9,552 graduan pendidikan seperti diumumkan SPP baru-baru ini tidak mencukupi untuk menampung kekurangan tersebut yang didakwa berjumlah 20,863 guru.